

CHINA *dan* **MALAYSIA** *dalam* **Arena Perang** **Dingin 1949-74**



ABDULLAH DAHANA

51
D

222.11
JED

CHINA *dan* MALAYSIA *dalam* **Arena Perang** **Dingin 1949-74**

ABDULLAH DAHANA

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2002

<http://www.penerbit.ukm.my>

PUSTAKA PERDANA



1009404

Kandungan

Prakata ... 7

- BAB 1 Pendahuluan ... 9
- BAB 2 Malaysia – Sejarah dan Politik ... 32
- BAB 3 RRC, Golongan Etnik China dan Pemberontakan
Komunis: Kes Malaysia ... 52
- BAB 4 "Condong ke Satu Pihak" dan Malaya, 1949-53 ... 69
- BAB 5 Koeksistensi Damai dan Malaya, 1953-57 ... 93
- BAB 6 Diplomasi Kiri, Malaya dan Malaysia,
1958-65 ... 115
- BAB 7 Dasar Luar Negeri RRC, Revolusi Kebudayaan dan
Malaysia, 1966-69 ... 141
- BAB 8 Jalan Menuju Normalisasi, 1970-73 ... 165
- BAB 9 Normalisasi dan Sesudahnya, Sejak 1974 ... 187

Bibliografi ... 215

Indeks ... 227

Prakata

Robohnya Tembok Berlin, tumbangnya regim-regim otoritarian di Eropah Timur, dan bubarnya Soviet Union selalu dilambangkan sebagai berakhirnya Perang Dingin. Namun, sebenarnya, menurut pendapat penulis, gejala pertama dalam proses berakhirnya Perang Dingin tersebut telah dimulai sejak akhir dasawarsa 1960-an dan awal 1970-an.

Sejak 1969 Richard Nixon, Presiden Amerika Syarikat menyedari bahawa politik global Amerika, yang bercita-cita untuk megerdikan pengaruh dan kekuatan global Soviet Union dan Republik Rakyat Cina (RRC), tidak akan berhasil. Kesedaran itu ditambah lagi dengan adanya tekanan domestik yang makin lama makin besar, yang menuntut agar Amerika segera mundur dari keterlibatan langsung di Vietnam.

Oleh kerana itulah, dengan dukungan Henry Kissinger yang kemudian menjadi menteri luar negeri, mengadakan pendekatan terhadap China yang mencapai puncaknya dengan kunjungan Nixon ke China pada Februari 1972. Dalam Deklarasi Shanghai yang ditandatangani Nixon bersama Perdana Menteri RRC Zhou Enlai antara lain dikatakan bahawa Amerika hanya mengakui adanya satu China iaitu RRC dan wilayah di kedua-dua sisi Selat Taiwan adalah bahagian yang tidak terpisah dari RRC. Dikatakan juga bahawa America-China akan menormalisasikan hubungan.

Normalisasi hubungan China-Amerika itulah yang menjadi titik tolak berakhirnya Perang Dingin, karena setelah itu Amerika mundur dari Vietnam, Rusia angkat kaki dari Afganistan. Rangkaian kejadian setelah kunjungan Nixon ke China itu kemudian disusul rangkaian peristiwa lain yang prosesnya berjalan sangat cepat. Dapat dikatakan sebagai contoh: pengunduran Amerika dari Vietnam, penarikan diri Soviet Union dari Afganistan, dan peristiwa-peristiwa lain yang dikemukakan pada permulaan tulisan ini.

Malaysia termasuk ke dalam kelompok negara yang dengan segera memanfaatkan normalisasi hubungan China-Amerika. Selama Perang Dingin berlangsung Malaysia menghadapi hubungan yang sangat tidak bersahabat dengan RRC: baik dalam bidang diplomasi mahupun dengan adanya berbagai-bagai ancaman terhadap keamanan dalam negeri yang sangat erat hubungannya dengan persaingan Barat-Timur. Kedua-dua masalah utama dalam hubungan China-Malaysia itu berkaitan satu dengan yang lainnya, sehingga penyelesaiannya harus komprehensif.

Tun Razak yang pada waktu itu menjadi Perdana Menteri berpendapat bahawa ancaman keamanan domestik dan masalah diplomatik hanya dapat diselesaikan dengan adanya hubungan yang normal dengan China. Karena itulah Malaysia kemudian mengambil langkah proaktif dengan memulai hubungan normal dengan China yang dimulai dengan kunjungan Razak ke Beijing pada 1974.

Karya ini coba menelusuri interaksi antara kedua-dua negara sejak 1949 setelah RRC berdiri, sampai tahun 1974 ketika normalisasi hubungan China-Malaysia menjadi kenyataan. Penulis berpendapat bahawa proses terjadinya hubungan baik antara Kuala Lumpur dengan Beijing merupakan suatu proses yang berjalan dengan perlahan atau evolusi. Penulis mengambil faktor-faktor antarabangsa dan perkembangan domestik baik di China mahupun di Malaysia. Atas dasar itu kajian ini berpendapat bahawa paling tidak, ada tiga faktor yang saling berhubungan antara satu dengan yang lainnya, iaitu diplomasi yang dipengaruhi oleh suasana politik Perang Dingin, perkembangan politik domestik pada kedua-dua pihak, khususnya masalah etnis Cina di Malaysia, dan anasir komunis yang selalu menjadi ancaman terhadap keamanan dalam negeri Malaysia.

Agar karya ini ada kaitannya dengan hubungan antara kedua-dua negara dewasa ini, saya melengkapinya dengan bab akhir yang coba memberikan gambaran tentang status hubungan China-Malaysia dewasa ini.

ABDULLAH DAHANA
Universitas Indonesia
Jakarta
19 Julai 2002